

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003
PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48 (6)

**FATWA KEBENARAN MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT DI KAWASAN LAPANG
SASAR ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DI JEMENTAH, SEGAMAT, JOHOR**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 [*Enakmen 16 Tahun 2003*], Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah untuk disiarkan menurut subseksyen 48 (6) Enakmen itu.

Hukum melaksanakan solat Jumaat di lapang sasaran Jementah, Segamat, Johor adalah diharuskan dan sah. Justeru, anggota Tentera Malaysia yang sedang menjalani latihan di lapang sasaran berkenaan adalah dibenarkan mendirikan solat Jumaat di kawasan tersebut.

Walaubagaimanapun, peraturan-peraturan berikut hendaklah dipatuhi:

- i. Lapang sasaran (tempat mendirikan solat Jumaat) yang telah dibenarkan tersebut tidak boleh digunakan untuk aktiviti/ program lain yang bertentangan dengan syariat Islam.
- ii. Hendaklah menjaga kesucian dan kebersihan lapang sasaran (tempat mendirikan solat Jumaat) tersebut daripada najis binatang dan sebagainya.
- iii. Solat Jumaat hendaklah diadakan secara berterusan sepanjang kursus atau latihan yang diadakan.
- iv. Anggota Tentera Malaysia hendaklah mematuhi peraturan-peraturan berhubung dengan Solat Jumaat di Negeri Johor termasuk menggunakan imam bertauliah dan khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

Bertarikh 28 Syaaban 1444 / 21 Mac 2023

[JMJ.351/04/01/6/64;PPUUNJ(R)600-1/5/8(40)]

Dengan Titah,

DATO' HAJI YAHYA BIN AHMAD
Mufti Negeri Johor

MOHD FARID BIN KASSIM
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor*